

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN SIRIM BERHAD
WILAYAH PANTAI TIMUR
DI SIRIM BERHAD WILAYAH PANTAI TIMUR KUALA TERENGGANU
5 NOVEMBER 2002

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada SIRIM Berhad kerana sudi menjemput saya bagi merasmikan Bangunan dan Pusat Inkubator SIRIM Berhad Wilayah Pantai Timur. SIRIM Berhad yang lebih disinonimkan dengan kualiti dan teknologi adalah antara syarikat milik penuh kerajaan yang bergiat aktif membantu industri tempatan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan supaya dapat bersaing di pasaran global secara lebih berkesan.

2. Dalam menempuh cabaran ekonomi sejagat dan memastikan sektor perindustrian negara terus berdaya saing, kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar seperti Dasar Ekonomi Baru, Pelan Induk Perindustrian, Dasar Pembangunan Nasional dan Pelan Induk Perindustrian Kedua. Dasar-dasar ini turut memberi penekanan kepada peningkatan daya saing sektor industri kecil dan sederhana (IKS) yakni sektor pelengkap kepada sektor perindustrian negara, sekaligus meningkatkan keupayaan dan ketahanan ekonomi negara. Turut mendapat perhatian daripada dasar-dasar ini adalah soal peningkatan penglibatan usahawan bumiputera yang berketerampilan, bersaya saing dan teguh, di samping memberi penekanan dalam penggunaan sains, teknologi dan inovasi bagi mempertingkatkan daya saing industri tempatan.

3. Dalam era globalisasi dan liberalisasi perdagangan serta pelaksanaan AFTA sepenuhnya, sektor industri negara khususnya sektor IKS perlu mempunyai daya saing yang tinggi untuk menghadapi saingan dari negara-negara ASEAN dan negara-negara maju yang lain. Antara kesan liberalisasi perdagangan ialah persaingan meluas di peringkat antarabangsa, barangan import menjadi lebih murah, kualiti barangan yang tidak boleh dipastikan dan industri baru terpaksa bersaing dengan industri global.

4. Bagi menghadapi cabaran ini, sektor IKS atau masyarakat usahawan perlulah meningkatkan kekuatan dan bersatu tenaga seperti mewujudkan persefahaman dan perkongsian pintar sesama mereka supaya dapat bersaing dan terus maju dalam dunia perdagangan global tanpa sempadan ini. Sektor IKS juga perlu menggunakan teknologi moden, mempelbagaikan kegiatan menggunakan tenaga kerja terlatih, melibatkan diri dalam program peningkatan kualiti, kecekapan pengeluaran, produktiviti dan teknologi yang merupakan di antara faktor penentu kejayaan dalam pasaran global.

5. Melalui agensi-agensi pelaksanaannya, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi menggalakkan pertumbuhan IKS dan meningkatkan bilangan yang sedia ada seperti mengadakan program pembangunan keusahawan yang sistematik dan bersepadu.

6. Saya merasa bangga usaha-usaha ini telah dilaksanakan dengan berkesan oleh SIRIM Berhad. SIRIM sebagai salah sebuah organisasi kerajaan telah bergiat aktif bagi melaksanakan program dan aktiviti yang bersesuaian dengan kehendak semasa pasaran sama ada kepada kerajaan mahupun golongan usahawan ataupun masyarakat industri. Malah usaha-usaha dan pendekatan yang diambil oleh pejabat

Wilayah nya di Pantai Timur seperti menyediakan sokongan teknikal kepada IKS dalam mempertingkatkan keupayaan teknologi adalah selari dengan usaha kerajaan dalam mewujudkan dan membangunkan lebih ramai usahawan yang berketerampilan, berdaya saing dan berdaya tahan bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

7. Saya juga difahamkan bahawa Bangunan Pejabat dan Pusat Inkubator SIRIM Wilayah Pantai Timur yang akan dirasmikan sebentar lagi melaksanakan Program Inkubator Perindustrian kepada usahawan-usahawan tempatan. Kerajaan memberi sokongan padu terhadap apa jua pendekatan yang inovatif dan bersepadu bagi melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan baru dalam sektor pembuatan. Justeru itu, saya menyeru masyarakat usahawan di Terengganu khususnya dan Pantai Timur amnya mengambil kesempatan terhadap peluang-peluang yang ditawarkan oleh kerajaan ini untuk menyertai program-program seperti yang ditawarkan oleh SIRIM ini. Penyertaan mereka dalam program inkubator yang julung kali diadakan di Pantai Timur ini boleh mengurangkan kekangan-kekangan yang membantu proses pengwujudan industri pembuatan yang sering kali dihadapi oleh bakal-bakal usahawan technopreneur.

8. Kerajaan sentiasa memberi ruang kepada sektor industri negara untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan, peningkatan kecekapan, rekabentuk dan inovasi produk serta proses dengan memperkenalkan pelbagai geran-geran dan insentif-insentif.

9. Kerajaan amat menyedari senario perdagangan global kini yang mengenakan pelbagai halangan teknikal. Sehubungan dengan itu, kita mestilah bersedia menangani cabaran-cabaran itu melalui pendekatan kualiti dan teknologi. Unsur teknologi dan inovasi penting dalam menangani kos pengeluaran yang semakin meningkat, sementara kualiti pula membantu industri menguasai pasaran. Pihak industri perlu beralih daripada kaedah pengeluaran tradisi iaitu pengeluaran berkos rendah kepada pengeluaran berteknologi tinggi dan bernilai tambah dengan kadar yang lebih cepat sekaligus membolehkan pengeluar baru bersaing dengan pengeluar yang lebih mantap.

10. Para pengeluar atau pekilang haruslah berusaha mencapai tahap kualiti yang setanding atau diakui bukan sahaja di peringkat domestik tetapi juga diterima di pasaran antarabangsa. Penyertaan dalam skim-skim persijilan seperti MS ISO 9000, MS ISO 14000, OHSAS 18000 dan Persijilan Produk kendalian SIRIM merupakan passport penting bagi memasuki pasaran negara asing. Saya amat gembira dengan petunjuk yang memperlihatkan arah aliran yang meningkat terhadap komitmen jitu para pekilang kepada program-program kualiti anjuran kerajaan sama ada di Pantai Timur khususnya dan Malaysia amnya.

11. Perasmian Bangunan Pejabat dan Pusat Inkubator SIRIM Berhad Wilayah Pantai Timur ini merupakan satu lagi tanda bukti prihatin kerajaan di dalam membantu masyarakat usahawan di Pantai Timur menceburi perniagaan dalam sektor berasaskan teknologi.

12. Dengan kata-kata tersebut dan dengan lafaz Bismillahiirrohmannihirohim, saya dengan ini merasmikan Bangunan Pejabat dan Pusat Inkubator SIRIM Berhad Wilayah Pantai Timur.

Terima kasih.